



KETERSAMPAIAN MASYARAKAT TANI KEPADA PELABURAN SAHAM AMANAH

(Assesibility of Peasant Community Toward Investment of Unit Trust)

Zaimah Ramli

ABSTRAK

Umum menyadari bahawa melabur dalam saham amanah merupakan suatu langkah bijak dalam usaha meningkatkan pendapatan. Persoalannya, apakah semua lapisan masyarakat di negara ini mempunyai ketersampaian kepada saham amanah tersebut, terutamanya mereka yang tergolong dalam kumpulan berpendapatan rendah. Kajian ini menilai sejauhmana masyarakat desa, iaitu pesawah padi mempunyai ketersampaian terhadap saham amanah yang terdapat di negara ini. Kajian turut mengenalpasti faktor-faktor penggalak dan penghalang yang mempengaruhi ketersampaian mereka. Dapatan kajian mengesahkan bahawa, meskipun kebanyakan golongan petani ini mempunyai pengetahuan umum mengenai saham amanah, tetapi ketersampaian dan penglibatan mereka secara langsung dalam pelaburan tersebut adalah agak terbatas. Tarikan kadar dividen yang tinggi dikenalpasti sebagai faktor penggalak utama mereka menyertai saham amanah. Manakala, dua faktor utama yang menghalang mereka daripada terlibat dalam saham amanah ialah kekurangan pendapatan dan kurangnya pendedahan terhadap pelaburan saham amanah itu sendiri. Secara keseluruhannya, penglibatan pesawah-pesawah padi terbabit dalam saham amanah adalah amat rendah dan terbatas. Fenomena ini cukup jelas apabila kebanyakan mereka kurang berkemampuan untuk mempertahankan dan meningkatkan nilai pelaburan mereka.

Katakunci: Ketersampaian, Masyarakat tani, Pelaburan, Saham amanah.

ABSTRACT

In general, people realized that investing in unit trusts is one of the ways to increase savings. However, the question is that do the community as a whole able to access to the unit trusts, especially to those who are in the lower income group. This study tries to measure the rural community that focusing on peasants accessibility to the unit trust. The study also attempts to identify the motivating and the obstacles factors that influence the extend of unit trust accessibility to the group. The study found that, even though the peasant do have general knowledge on the unit trust, their direct involvement and accessibility to it are limited. The primary factor that motivate them to participate in unit trust is the high dividend rate where as the two main factors that hinder their ability to invest are low income and exposure to the unit trust. As a whole, the peasant participation in the unit trust is low and very limited. These phenomena are obvious when most of them are not able to maintain and increase their initial investment value.

Keywords: Accessibility, Peasants, Investment, Unit trust.

PENDAHULUAN

Dewasa ini, pelaburan dalam saham amanah merupakan salah satu isu penting yang sering diperbual dan dibincangkan di kalangan ahli masyarakat. Malahan isu ini turut mendapat perhatian utama daripada pihak kerajaan dan juga pihak swasta. Namun, apa yang menjadi persoalan sehingga kini ialah penglibatan masyarakat tani dalam pelaburan berkenaan masih berada pada tahap yang rendah. Penglibatan masyarakat tani dalam saham amanah adalah penting bagi memastikan pemilikan saham terus berada di tangan Bumiputera dan menggalakkan penyertaan pelaburan di kalangan mereka. Usaha menggalakkan penyertaan dalam pelaburan saham amanah penting terutamanya kepada golongan yang berpendapatan rendah memandangkan mereka ini mewakili sebahagian besar daripada penduduk negara.

Hakikatnya hingga kini, kita sering diperdengar dan dipertontonkan tentang kemiskinan dan taraf hidup yang rendah di kalangan masyarakat tani khususnya pesawah padi. Lantaran itu, satu kajian yang bertujuan khusus untuk melihat sejauhmana ketersampaian saham amanah di kalangan penduduk desa telah dilaksanakan. Secara amnya dapatan kajian menunjukkan bahawa, meskipun kebanyakan masyarakat tani mempunyai pengetahuan asas mengenai saham amanah, tetapi penglibatan mereka secara langsung dalam pelaburan tersebut adalah agak rendah.

Bertitik-tolak daripada dapatan tersebut, maka artikel ini akan cuba membincangkan beberapa aspek penting berkaitan penglibatan masyarakat tani dalam industri saham amanah seperti kefahaman konsep pelaburan, darjah ketersampaian maklumat mengenai saham kepada mereka dan sejauhmana tingkat pendapatan mereka mampu menyumbang kepada penglibatan dalam saham amanah. Selain itu, tahap kesedaran dan minat untuk melabur yang wujud dalam diri masyarakat ini juga akan diperjelaskan. Setelah itu, faktor-faktor pendorong dan penghalang yang berkaitan langsung dengan penglibatan mereka dalam saham amanah akan diperhalusi.

PELABURAN DAN MASYARAKAT

Pelaburan adalah suatu bentuk penggunaan wang atau dana bagi aktiviti tertentu yang diharapkan akan menghasilkan pulangan yang lebih pada masa depan. Pelaburan melalui unit amanah adalah pelaburan yang dilindungi bagi memberi kesempatan kepada orang yang kurang kemampuan dan kurang pengetahuan tentang pelaburan untuk berkongsi pasaran dengan pelabur-pelabur besar dan profesional lain di pasaran saham (Barjoyai & Mohd. Fairuz 1998: 112). Ismail (1994) pula mentakrifkan pelaburan yang telah dilihat daripada dua sudut, iaitu sosial dan ekonomi. Pelaburan daripada sudut sosial bermaksud sumber kekayaan dengan merujuk kepada pertambahan pelaburan sebagai menunjukkan kekayaan. Manakala daripada sudut ekonomi pula, pelaburan bermaksud penglibatan dana pada masa sekarang bagi memperolehi pendapatan pada masa hadapan. Daripada takrifan tersebut, konsep pelaburan yang digunakan dalam kajian ini merujuk kepada penggunaan wang yang dimiliki oleh seseorang individu untuk membiayai aktiviti seperti pembelian saham yang diharapkan nanti memberi pulangan yang sewajarnya.

Pada asasnya saham amanah adalah satu bentuk portfolio pelaburan secara tabungan yang mengumpulkan modal melalui sumber-sumber kewangan daripada pelabur-pelabur individu dan institusi. Dalam kata lain, saham amanah merupakan tabung pelaburan yang diuruskan oleh syarikat atau institusi pelaburan yang membolehkan para pelabur melabur dalam syarikat-syarikat yang tersenarai di bursa saham secara tidak langsung, iaitu melalui pembelian saham-saham syarikat tadi oleh pihak pengurusan amanah saham tersebut.

Ternyata, amalan menabung menerusi pelaburan dalam saham-saham amanah khususnya yang dikendalikan oleh Permodalan Nasional Berhad (PNB) semakin popular di kalangan masyarakat Bumiputera. Kelebihan-kelebihan yang terdapat dalam skim ini menjadikan ia sesuai disertai oleh semua golongan masyarakat. Tambahan pula, dorongan dan galakan daripada kerajaan yang tidak henti-henti telah berupaya menarik lebih ramai masyarakat Bumiputera menyertai saham amanah.

Hasil kajian Jenice (1999), mendapati bahawa kebanyakan orang Amerika Afrika melaburkan pendapatan mereka (88.2%) dengan mencatatkan 32.9 peratus melaburkan pendapatan mereka antara 5 hingga 10 peratus. Ketersediaan maklumat melalui siaran kewangan dan internet serta kewangan yang mencukupi mendorong mereka melakukan pelaburan berkenaan. Sebaliknya Ojetomobi dan Olagunju (2000) pula mendapati 82 peratus masyarakat tani di Selatan Nigeria terlibat dengan institusi kewangan tidak formal dengan alasan mereka kekurangan kemudahan bank di luar bandar, operasi bank yang rumit dan tahap pendapatan yang rendah. Walau bagaimanapun, kajian tidak menampakkan hubungan yang signifikan antara pendapatan petani dengan pilihan sistem kewangan mereka. Selain itu, hasil kajian ke atas masyarakat tani di Zimbabwe mendapati mereka mempunyai budaya menabung yang tersendiri. Malahan mereka mempunyai konsep tabungan mereka sendiri yang dikenali sebagai *kuchengeta*, *kugiva* atau *kuya mura* yang membawa makna menabung untuk kematian. Mereka tidak sekadar menyimpan wang semata-mata, sebaliknya turut menyimpan barangan lain sebagai unit tabungan seperti ternakan, barangan dan juga tenaga kerja. Antara alasan mengapa mereka menyimpan dalam bentuk tersebut ialah ketiadaan sokongan atau bantuan daripada pihak berkuasa serta badan-badan swasta dalam menyediakan sumber kredit yang baik dan murah (<http://www.fao.org/sd/ppdirect/Ppre0071a.htm>).

Merujuk kepada beberapa pengkajian di Malaysia pula mendapati faktor pendapatan menjadi pendorong atau penghalang kepada penglibatan dan peningkatan seseorang atau masyarakat dalam pelaburan (Mahinder 1983 & Kamarul 1983). Manakala kajian Citibank dengan kerjasama Universiti Malaya (UM) mendapati hanya 50 peratus rakyat Malaysia benar-benar memahami perancangan kewangan. Malahan ramai yang mempunyai tanggapan bahawa perancangan kewangan hanyalah untuk orang-orang kaya sahaja. Pasti penemuan kajian ini menggambarkan suatu keadaan yang kurang menggalakkan, baik daripada segi ekonomi individu mahupun keluarga, apatah lagi ekonomi negara (Utusan Malaysia: 9 Januari 2003). Ringkasnya terdapat dua faktor utama yang penting dalam mempengaruhi seseorang melakukan pelaburan, iaitu pendapatan dan ketersediaan maklumat. Namun tanpa kesedaran diri sendiri, lebih pendapatan dan ketersediaan maklumat juga tidak akan membolehkan seseorang itu melakukan pelaburan ataupun menabung.

Hakikatnya masalah yang selalu dialami oleh sebilangan besar individu atau keluarga ialah masalah kewangan. Hal-hal berkaitan kewangan boleh membuatkan kerunsingan dan perpecahan dalam keluarga serta masyarakat. Maka seseorang individu perlu menguruskan kewangan diri mahupun keluarga dengan sebaik dan secepat yang mungkin. Menurut Jariah (1987), terdapat empat aspek dalam pengurusan kewangan keluarga. Pertama, pengurusan kewangan mesti diasaskan kepada perancangan kewangan yang menyeluruh. Kedua, pendapatan mestilah cukup untuk menampung perbelanjaan keluarga. Ketiga, perbelanjaan mesti dikawal, dan keempat, pengurusan kewangan mesti dapat menyelesaikan masalah kewangan. Perancangan kewangan ialah penganalisan masalah, mencari pilihan penyelesaian, dan mencari cara mengatasi masalah. Perancangan yang menyeluruh seharusnya dapat menghubungkan matlamat jangka pendek dan matlamat jangka panjang. Biasanya perancangan kewangan memberi penekanan kepada persoalan bagaimana

menguruskan pendapatan dan perbelanjaan agar seseorang individu atau keluarga dapat mencapai matlamat tertentu.

Ekoran daripada kepentingan perancangan kewangan dalam kehidupan, isu literatur kewangan mula meningkat di kalangan pendidik, kumpulan komuniti, ahli perniagaan, agensi kerajaan dan juga penggubal polisi mulai dekad 1990 (Hilgert & Hogarth 2003). Peningkatan ini seiring dengan peningkatan kerumitan produk kewangan dan peningkatan tanggungjawab individu ke atas keselamatan kewangan masing-masing. Literatur kewangan boleh dihubungkan dengan praktis kewangan seperti pengurusan aliran tunai, pengurusan kredit, tabungan dan pelaburanyang mempunyai hubungan langsung dengan pengurusan kredit, tabungan dan pelaburan.

Menurut Braunstein & Welch (2002), pada tahun-tahun ke belakangan ini, ilmu kewangan mendapat perhatian di kalangan syarikat perbankan, agensi kerajaan, pengurus dan kumpulan masyarakat berkepentingan dan juga lain-lain organisasi. Kumpulan-kumpulan berkepentingan ini berpendapat bahawa pengguna yang kekurangan maklumat mengenai konsep kewangan akan memberi kesan kepada pengurusan kewangan mereka sehari-hari dan juga pada masa mendatang. Pengetahuan atau literatur kewangan akan memandu seseorang dalam membuat keputusan mengenai hal pembelian rumah, memperolehi pendidikan tinggi atau rancangan selepas bersara nanti. Pengurusan kewangan yang kurang berkesan akan memberi impak kepada tingkahlaku penyelesaian masalah kewangan.

Seterusnya Hogarth, Beverly & Hilgerth (2002) pula mengesahkan bahawa kebanyakan isirumah tidak mengikuti apa yang disarankan oleh praktis kewangan. Sedangkan pengetahuan kewangan dan pengalaman mempelajari kewangan berhubungkait dengan aliran tunai, tabungan dan pelaburan. Manakala So-hyun Joo & Grable (2004) menyifatkan pendidikan pengguna dan praktis kewangan boleh membantu pengguna meningkatkan kepuasan kewangan mereka dengan merubah tingkahlaku kewangan. Pasti perbincangan mengenai kepuasan kewangan tidak dapat dipisahkan daripada kualiti hidup. Feldman (1976) menyatakan kualiti hidup adalah akibat daripada sikap semasa individu dan masyarakat terhadap hutang, tabungan, perbelanjaan dan lain-lain elemen berkaitan wang. Peningkatan ke arah cara hidup “beli dahulu bayar kemudian” membayangkan betapa ketaranya perubahan dalam jangkaan dan perbelanjaan sebenar masyarakat hari ini. Ia menggambarkan perubahan sikap terhadap makna dan kegunaan wang dalam kehidupan keluarga. Sehingga seorang ahli falsafah, Artemus Ward menyatakan “...*let us be happy and live within our means, even if we have to borrow the money to do it with*”. Walau bagaimanapun, keluarga seringkali berhadapan dengan keadaan mengurangkan bajet untuk memenuhi keperluan hidup kerana perolehan rendah, keluarga besar atau lain-lain perubahan dalam rupabentuk, situasi atau matlamat keluarga.

Sementara itu, kajian Davis & Gilberth (1995) menunjukkan bahawa pendapatan memberikan kesan besar ke atas kepuasan kewangan. Malahan pendapatan dan umur mempunyai hubungan positif dengan kewangan. Nickell, Rice & Tucker (1976) pula mencatatkan “...*some people manage their money; with others, the money manages them*”. Apa yang pasti, tiada siapa yang boleh mengarahkan seseorang terhadap sumber kewangannya ke arah mencapai kepuasan diri. Secara keseluruhannya, pengurusan kewangan keluarga yang baik dan cekap pastinya akan membawa kepada kesejahteraan hidup berkeluarga. Ini tentunya akan menyumbang kepada peningkatan kualiti hidup sesebuah masyarakat.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan satu bentuk penjelasan ke atas ketersampaian masyarakat tani dalam pelaburan saham amanah. Pendekatan kuantitatif menggunakan kaedah survei diaplikasikan dalam kajian dan dilakukan secara *cross-sectional*. Fokus kajian adalah mengenalpasti ketersampaian masyarakat tani terhadap saham amanah dan menjelaskan faktor-faktor dorongan dan halangan yang mempengaruhi ketersampaian tersebut. Populasi kajian adalah masyarakat tani yang mengusahakan sawah padi sebagai mata pencarian utama.

Kajian dilakukan di Mukim Tobiar, Pendang, Kedah pada tahun 2002. Memandangkan saiz populasi agak besar, maka kaedah persampelan bertujuan digunakan. Pemilihan sampel berdasarkan tiga kriteria utama, iaitu ketua isi rumah, pekerjaan utama bersawah padi dan penduduk asal atau tetap. Hasilnya seramai 135 orang pesawah padi dipilih sebagai responden kajian. Daripada 135 responden, hanya 133 borang soalselidik sahaja yang boleh diterima pakai dalam analisa data berikutan kekurangan maklumat yang jelas dalam dua borang berkenaan. Analisa secara diskriptif dan persembahan data secara peratusan dalam bentuk jadual dipilih bagi memerihalkan maklumat yang diperolehi.

HASIL DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini akan membincangkan hasil keseluruhan kajian berkaitan dengan cabaran pelaburan Bumiputera yang akan memfokuskan kepada masyarakat tani. Kajian ini berlatarbelakangkan kawasan kampung yang rata-rata penduduknya mengusahakan sawah padi sebagai sumber pendapatan utama mereka. Perbincangan akan dibahagikan kepada beberapa subtajuk, iaitu kefahaman konsep pelaburan, ketersampaian maklumat, ketersampaian pendapatan, kesedaran melabur serta faktor-faktor dorongan dan halangan.

a) Kefahaman Konsep Pelaburan

Hasil kajian di Jadual 1 menunjukkan bahawa lebih separuh (54.9%) daripada responden tidak tahu atau memahami istilah pelaburan kesan daripada kekurangan pendedahan terhadap maklumat berkaitan. Selebihnya pula mempunyai pelbagai tanggapan berkenaan dengan istilah pelaburan, antaranya menganggap pelaburan sebagai satu usaha menyimpan untuk mendapatkan pulangan (25.5%) dan pelaburan sebagai satu usaha membenarkan pihak berkenaan menguruskan wang telah dilaburkan dalam skim terbabit (15%). Paras kefahaman konsep ini dirasakan begitu dipengaruhi oleh faktor pendidikan responden. Ini jelas apabila 44 orang responden mencatatkan tidak tahu atau tidak mempunyai pendedahan berkenaan konsep pelaburan kerana hanya mempunyai pendidikan di peringkat sekolah rendah sahaja.

Jadual 1: Kefahaman konsep pelaburan dan taraf pendidikan (n=133)

	SR	SMR	SMA	PL	Jumlah (%)
Tidak tahu / kurang pendedahan.	44	6	9	14	73(54.9)
Membenarkan pihak berkenaan menguruskan wang yang dilaburkan.	7	7	5	1	20(15.0)
Simpanan untuk masa depan.	3	2	-	-	5(3.8)
Menyimpan untuk mendapatkan pulangan.	18	8	5	3	34(25.5)
Sesuatu yang baik.	-	1	-	-	1(0.8)
Jumlah	72	24	19	18	133(100)

Sumber: Kerja Lapangan 2002

Petunjuk: SR = sekolah rendah, SMR = sekolah menengah rendah, SMA = sekolah menengah atas, dan PL = pengajian lanjutan.

Setelah itu, apabila hasil kajian hanya fokus kepada mereka yang melabur, didapati responden yang melabur dalam saham amanah ini hampir kesemuanya mempunyai pengetahuan mengenai pelaburan dalam saham amanah walaupun kebanyakan mereka tidak faham akan konsep sebenar pelaburan (Jadual 2). Namun apa yang menarik untuk diperhatikan ialah bilangan responden tidak melabur tetapi mempunyai pengetahuan mengenai pelaburan dalam saham amanah hampir menyamai mereka yang melabur. Dapatan ini memperjelaskan bahawa faktor pengetahuan semata-mata tidak begitu mempengaruhi seseorang untuk melabur atau tidak melabur dalam saham amanah.

Jadual 2: Melabur dan mengetahui saham amanah (n=58)

	Faham	Tidak faham	Jumlah (%)
Melabur	57	1	58 (43.6)
Tidak melabur	58	17	75 (56.4)
Jumlah	115	18	133 (100)

Sumber: Kerja Lapangan 2002

b) Ketersampaian Maklumat

Meskipun hampir keseluruhan responden tidak memahami konsep sebenar pelaburan, tetapi sebahagian besar mereka (86.5%) tahu tentang saham amanah secara umum (Jadual 3). Saham amanah yang paling banyak diketahui ialah ASB dan ASN yang mencatatkan 29.6 peratus pilihan di kalangan responden terbabit. Jika hendak dibandingkan dengan taraf pendidikan, kelihatannya pengetahuan tentang saham amanah tidak begitu dipengaruhi oleh faktor berkenaan. Ini membuktikan bahawa terdapat faktor atau sumber lain yang menyumbang kepada pendedahan pengetahuan responden kepada saham amanah.

Jadual 3: Pengetahuan mengenai saham amanah dan taraf pendidikan (n=133)

	SR	SMR	SMA	PL	Jumlah (%)
Tahu	59	23	18	15	115 (86.5)
Tidak tahu	13	1	1	3	18 (13.5)
Jumlah	72	24	19	18	133 (100)

Sumber: Kerja Lapangan 2002

Petunjuk: SR = sekolah rendah, SMR = sekolah menengah rendah, SMA = sekolah menengah atas, dan PL = pengajian lanjutan.

Jika dirujuk kepada Jadual 4, didapati 78.3 peratus responden mengetahui mengenai saham amanah ini melalui media massa. Selebihnya pula mengetahui mengenai saham amanah menerusi rakan-rakan, kempen oleh kerajaan, promosi pihak pengurusan, ahli keluarga dan lain-lain, iaitu majikan. Ini menunjukkan bahawa media massa merupakan suatu cara paling efektif dalam usaha menyalur dan menyebarkan maklumat produk kewangan khususnya mengenai saham amanah. Merujuk kepada peratusan media massa tersebut, terbukti bahawa televisyen merupakan media massa yang paling berkesan dalam menyalurkan pengetahuan mengenai saham amanah berkenaan kepada responden.

Jadual 4: Sumber pengetahuan mengenai saham amanah (n=115)

	Bilangan	Peratus
Rakan-rakan	58	50.4
Ahli keluarga	11	9.6
Promosi pihak pengurusan	25	21.7
Kempen oleh kerajaan	26	22.6
Media massa	90	78.3
Lain-lain (majikan)	1	0.9

Sumber: Kerja Lapangan 2002

c) **Ketersampaian Pendapatan**

Meskipun kebanyakan responden mempunyai pengetahuan umum mengenai saham amanah, tetapi daripada segi ketersampaian melalui penyertaan mereka secara langsung dalam pelaburan tersebut agak rendah. Jika diperhalusi meklumat dalam Jadual 5, kelihatannya seolah-olah mereka yang mempunyai pendapatan kurang daripada RM2000 semusim lebih ramai pernah melabur. Namun begitu, peratusan ini sebenarnya memperjelaskan bahawa jumlah sebenar responden yang mempunyai pendapatan kurang RM2000 lebih ramai secara relatif dengan mereka yang mempunyai pendapatan melebihi RM2000 semusim. Ini pastinya menjadi halangan kepada ketersampaian mereka dalam saham amanah yang sememangnya memerlukan labihan daripada pendapatan untuk dilaburkan di dalamnya.

Jadual 5: Anggaran pendapatan dan melabur dalam saham amanah (n=133)

Pendapatan semusim	Melabur	Tidak melabur	Jumlah (%)
Kurang RM1,000	17	30	47 (35.3)
RM1,001 – RM2,000	22	18	40 (30.1)
RM2,001 – RM3,000	7	17	24 (18.0)
RM3,001 – RM4,000	5	6	11 (8.3)
RM4,001 – RM5,000	4	2	6 (4.5)
Melebihi RM5,000	3	2	5 (3.8)
Jumlah	58	75	133 (100)

Sumber: Kerja Lapangan 2002

Nota:

1. Semusim merujuk kepada enam bulan.
2. Kebanyakan responden mempunyai kecenderungan untuk tidak menyatakan angka sebenar sewaktu temubual dijalankan.

d) **Kesedaran Melabur**

Walaupun dapatan kajian mendapati hanya sebahagian kecil sahaja masyarakat tani yang terlibat secara langsung dalam saham amanah, kajian turut cuba mengesan berkenaan pendirian responden yang tidak pernah melabur dalam skim saham amanah, sama ada mereka berminat untuk melabur atau sebaliknya pada masa depan. Jadual 6 menunjukkan bahawa 44 peratus daripada responden menaruh minat untuk melakukan pelaburan berkenaan pada masa depan, 36 peratus tidak berminat dan 20 peratus pula tidak pasti sama ada berminat atau

sebaliknya. Secara langsung kenyataan ini membayangkan kesedaran tentang kepentingan dan keperluan melakukan pelaburan di kalangan mereka telah wujud.

Jadual 6: Berminat melabur pada masa depan (n=75)

	Bilangan	Peratus
Berminat	33	44.0
Tidak berminat	27	36.0
Tidak pasti	15	20.0

Sumber: Kerja Lapangan 2002

Kebanyakan responden yang berminat untuk melabur pada masa depan sekiranya berpeluang dan berkemampuan adalah untuk kepentingan masa depan mereka sendiri (69.7%). Selebihnya pula bertujuan untuk mendapatkan pulangan (21.2%) dan keperluan pendidikan anak (9.1%). Manakala bagi responden yang tidak berminat untuk melabur kebanyakannya menyatakan usia yang telah lanjut tidak menggalakkan untuk mereka menyertai skim berkenaan. Selain itu, ketiadaan lebih pendapatan, anggapan bahawa skim berkenaan tidak selaras dengan agama dan sememangnya tidak berminat juga menjadi faktor penghalang kepada mereka. Bagi mereka yang tidak pasti pula menyatakan bahawa kekurangan pendapatan dan kurangnya pengetahuan tentang saham amanah membuatkan mereka berpendirian sedemikian.

e) Faktor Dorongan dan Halangan

Hasil daripada meklumbalas responden yang melabur dalam saham amanah, dapat dikategorikan beberapa faktor yang telah mendorong mereka untuk melakukan pelaburan berkenaan. Faktor pendorong utama kadar dividen yang tinggi dengan catatan 37.9 peratus (Jadual 7). Faktor kedua pula ialah tertarik dengan promosi yang diadakan oleh pihak terbabit iaitu pihak pengurusan saham amanah sedia ada (ASN/ASB), khasnya di Negeri Kedah (ASK). Manakala faktor yang seterusnya ialah demi masa depan, mempunyai lebih pendapatan, skim bantuan keluarga termiskin dan terikut-ikut kawan. Memandangkan faktor pertama dan kedua lebih berperanan, bermakna mereka juga mempunyai pengetahuan dan keinginan memiliki wang lebih serta berpandangan jauh demi kepentingan dan jaminan masa depan.


Jadual 7: Faktor-faktor dorongan melabur (n=58)

	Bilangan	Peratus
Dividen yang tinggi	22	37.9
Tarikan promosi	11	19.0
Kepentingan masa depan	8	13.8
Mempunyai lebih pendapatan	7	12.1
Pengaruh kawan	5	8.6
Skim bantuan keluarga miskin	5	8.6

Sumber: Kerja Lapangan 2002

Merujuk kepada Rajah 1 pula, diketahui bahawa terdapat dua faktor utama yang menghalang responden daripada terlibat dalam saham amanah, iaitu kekurangan pendapatan dan kurangnya pendedahan terhadap pelaburan saham amanah itu sendiri. Maka, hasil gabungan ketiga-tiga faktor utama ini membuktikan bahawa meskipun maklumat-maklumat sebelum ini kelihatannya menjurus kepada pengetahuan dan kesedaran tentang kepentingan

melabur untuk jaminan masa depan, tetapi kurangnya pendapatan telah menghalang mereka ini daripada menyertai pelaburan berkenaan. Malah, kurangnya minat terhadap bentuk pelaburan ini juga turut menjadi faktor penghalang seterusnya kepada penyertaan mereka dalam saham amanah.



Rajah 1: Faktor-faktor halangan melabur (n=75)

KESIMPULAN

Hasil daripada perbincangan dan penelitian terhadap cabaran pelaburan saham amanah di kalangan masyarakat tani dengan fokus utama kepada faktor-faktor dorongan dan halangan, beberapa kesimpulan diketengahkan. Masyarakat tani mempunyai pengetahuan atau tahu secara asas mengenai saham amanah. Ini menjelaskan betapa berperannya faktor pendidikan dalam menyumbang pengetahuan dan kefahaman konsep saham amanah.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa ketersampaian maklumat yang jelas mengenai saham amanah di kalangan masyarakat tani adalah agak terbatas, maka peranan media massa dalam menyalurkan maklumat berkaitan saham amanah di kalangan masyarakat tani amat penting. Dalam pada itu, keupayaan penjana pendapatan yang lebih baik (tinggi) harus ditingkatkan dalam usaha menggalakkan tabiat menabung dan melabur di kalangan masyarakat Bumiputera khususnya masyarakat tani. Ternyata, wujud kesedaran akan kepentingan pelaburan demi masa hadapan tetapi halangan seperti kekurangan pendapatan dan pendedahan atau maklumat lebih mendominasi. Realitinya, faktor halangan lebih mendominasi masyarakat tani berbanding faktor dorongan. Kesannya masyarakat tani kebanyakannya hanya melabur pada tahap pelaburan pokok. Jika dilihat kepada faktor dorongan, tiga daripadanya adalah di bawah tindakan dan pengaruh individu itu sendiri iaitu kesedaran demi kepentingan masa depan, mempunyai lebih pendapatan dan pengaruh kawan. Manakala tarikan promosi dan dividen yang tinggi adalah di bawah tindakan pihak pengurusan saham amanah, dan selebihnya adalah di bawah tindakan pihak kerajaan. Berbeza dengan faktor halangan, keempat-empat faktor tersebut adalah di bawah kawalan individu. Namun pihak pengurusan dan kerajaan dirasakan mampu bertindak dan membantu daripada segi bantuan kewangan melalui skim bantuan keluarga miskin, memberikan pendedahan yang lebih meluas serta mengadakan promosi atau secara berterusan bagi menanam dan meningkatkan minat masyarakat ke arah menabung/melabur dalam industri saham amanah.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan penghargaan kepada Universiti Kebangsaan Malaysia di atas pembiayaan penyelidikan ini (SK/21/2002).

RUJUKAN

- Ajetomobi, J. O. & Olagunju, F. I. 2000. Focus on informal system of saving – mobilization among small-scale farmers in Nigeria: survey findings. *Journal of Financial Management & Analysis*. Vol. 13 (2):49-53.
- Barjoyai Bardai & Mohd. Fairuz Md. Salleh. 1998. *Strategi pelaburan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Braunstein, S. & Welch, C. 2002. Financial literacy: an overview of practice, research & policy. *Federal Reserve Bulletin*, Nov.:445-457.
- Davis, E.P. & Gilberth, J.G. 1995. Life course variables and financial satisfaction. *Family economics and Resource Management Biennial*, pg:161.
- Feldman, F.L. 1976. *The family in today's money world*. New York: Family Service Association of America.
- Hilgert, M.A. & Hogarth, J.M. 2003. Household financial management: the connection between knowledge and behaviour. *Federal Reserve Bulletin*, July:309-322.
- Hogarth, J.M., Beverly, S. G. & Hilgert, M. 2003. Pattern of financial behaviour: implications for community educators and policymakers discussion draft-Feb.2003. Federal Reserve System Community Affairs Research Conference. (Atas talian: 25 Februari 2006). http://www.chicagoted.org/cedric/files/2003_conf_paper_session1_hogarth.pdf
- Ismail Ibrahim. 1994. *Pelaburan dalam pasaran sekuriti, hadapan dan opsyen*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Janice E. 1999. *Look who's investing now*. Black Enterprise Financial Survey.
- Jariah Masud. 1987. *Pengurusan kewangan keluarga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamarul Arifin. 1983. Matlamat penyertaan Bumiputera di dalam perniagaan dan perusahaan di dalam DEB: satu tafsiran semula. Dalam Jaafar Muhamad & Abd. Shukur Arifin (pnyt.). *Kumpulan kertas kerja 3 UKM: Masalah dan Prospek Ekonomi Bumiputera*, hlm. 75-95. UKM.
- Mahinder Santokh Singh. 1983. Peranan isirumah dalam pengumpulan modal: pengalaman Malaysia dengan ASN. *Journal of Malaysia Studies*, USM. Jilid 1 (2): 49-68.
- Nickell, P., Rice, A.S. & Tucker, S. 1976. *Management in family living*. New York: John Wiley & Sons.
- So-hyun Joo & Grable, J.E. 2004. An exploratory framework of the determinants of financial satisfaction. *Journal of Family and Issues*, 25(1):25-50.
- Tanpa Pengarang. 2000. Saving to death: a study of group based and other saving arrangement in rural Chivi District, Zimbabwe. (Atas talian: 5 Mac 2002) <http://www.fao.org/sd/ppdirect/Ppre0071a.htm>

Zaimah Ramli

Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi, Selangor
Email: zaimahr@ukm.my